
Sorotan Literatur Sistemik Isu Dan Cabaran Murid Oku Pendengaran Dalam Pendidikan Islam

Muhammad Zaid Bin Abdul Samat¹, Adnan Bin Mohamed Yusof², Norakyairee Bin Mohd. Raus³, Ahmad Izzuddin Bin Abu Bakar⁴

^{1,2,3,4} *Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai Negeri Sembilan*

E-mail: zaidfahehtnc@gmail.com, adnan@usim.edu.my, el.akhari@gmail.com, izzuddin@usim.edu.my

Abstrak

Al-Quran diturunkan kepada semua umat Islam. Ia merangkumi semua aspek kehidupan bagi seseorang yang beragama Islam. murid OKU pendengaran juga perlu mempelajari pendidikan Islam sama seperti murid tipikal. Namun begitu, kajian bagi pendidikan Islam bagi murid OKU pendengaran kurang dikaji. Justeru, Kajian ini menggunakan tinjauan sistematik (*systematic review*) melalui kajian-kajian isu dan cabaran murid OKU pendengaran mempelajari Pendidikan Islam. Kajian-kajian lepas bermula pada tahun 2012 hingga 2021 digunakan bagi mengenal pasti apakah isu dan cabaran murid OKU pendengaran mempelajari Pendidikan Islam. Artikel berkaitan isu dan cabaran murid OKU pendengaran mempelajari ini dikumpulkan melalui pencarian artikel secara atas talian (*online*) mengikut tahun. Jumlah keseluruhan artikel yang dapat dikumpulkan adalah sebanyak 14 artikel yang membincangkan tentang tujuan kajian dilaksanakan. Reka bentuk kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah kajian kualitatif yang berasaskan kepada tinjauan sistematik dan analisis dokumen. Berdasarkan dapatan yang telah dianalisis, pengkaji dapat merumuskan bahawa, terdapat beberapa isu dan cabaran murid OKU pendengaran dalam Pendidikan Islam. Antaranya, kekurangan bahan bantu mengajar (BBM) bagi murid OKU pendengaran, kesukaran memahami konsep di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, kelemahan daya ingatan murid OKU pendengaran dan kesukaran mengeluarkan suara untuk membaca al-quran.

Kata Kunci: murid OKU pendengaran, al-Quran, pendidikan Islam, isu dan cabaran.

Abstract

The Quran was revealed to all mankind and it covers all aspects of life for a Muslim. Therefore, deaf students also need to learn Islamic education just like hearing students. However, studies on Islamic education for deaf students were not researched enough. Thus, this study uses a systematic review through studies of issues and challenges for the deaf student to learn the Islamic Education. Past studies from 2012 to 2021 were used to identify the issues and challenges. Articles related to the issues and challenges of the deaf students learning the Islamic Education were collected through online articles that were searched according by year. There are a total of 14 articles that were collected which discussed the purpose of this study. The researcher implemented qualitative study based on systematic review and document analysis for this study. Based on the findings that have been analysed, the researcher can conclude that there are several issues and challenges for deaf people to learn the Islamic Education. Among the examples are, lack of teaching aids, difficulty in understanding concepts of Islamic Education subjects, weak memory of the deaf students and difficulty to voice out when reading the Quran.

Keyword: deaf students, al-Quran, Islamic education, issues and challenges.

I. PENGENALAN

Pendidikan Islam dan al-Quran sangat penting dalam kehidupan seseorang yang beragama Islam. Hal ini demikian kerana, tanpa didikan Islam pada peringkat awal, anak-kanak ini tidak mengenal Allah dan tidak akan mengetahui perkara yang wajib dilakukan sebagai seorang Muslim. Setiap muslim yang beriman kepada Allah wajib diberikan pendidikan Islam dalam kehidupan seharian mereka. Sehubungan dengan itu, pendidikan Islam dan al-Quran kepada golongan OKU OKU pendengaran atau pekak juga wajib diberikan sama seperti golongan tipikal. Allah turunkan al-Quran kepada seluruh manusia. Ini selaras dengan firman Allah:

هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ١٣٨

Maksudnya:

(Al Quran) ini adalah penerangan bagi seluruh manusia, dan petunjuk serta muridan bagi orang-orang yang bertakwa. (Surah ali-imran ayat 138)

Penerangan ayat al-Quran membuktikan al-Quran diturunkan kepada seluruh manusia termasuklah golongan OKU, khususnya OKU pekak.

Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan satu kurikulum bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah supaya murid dapat mengetahui ilmu pengetahuan tentang Islam. Menurut [5], menyatakan murid yang beragama Islam wajib mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam berdasarkan sistem pendidikan di Malaysia. Menurut [14], sistem pendidikan hari ini bagi subjek Pendidikan Islam diwajibkan bagi semua murid yang beragama Islam termasuklah murid OKU pendengaran.

Subjek Pendidikan Islam dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) merupakan kesinambungan daripada subjek Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Kurikulum dalam Pendidikan Islam KSSR lebih menumpukan kepada membaca al-Quran, asas-asas fardhu ain dan mengetahui cara hidup beragama dalam Islam. Murid OKU pendengaran juga wajib diberikan pendidikan agama seperti golongan tipikal, hal ini kerana mereka mempunyai akal untuk mempelajari ilmu agama [3], [4].

Justeru, kajian sorotan literatur berkaitan isu dan cabaran murid OKU pendengaran mempelajari Pendidikan Islam diperlukan bagi meneliti kajian-kajian yang melibatkan isu dan cabaran murid OKU pendengaran.

II. OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti isu dan cabaran murid OKU pendengaran dalam Pendidikan Islam?

III. PERSOALAN KAJIAN

2. Apakah isu dan cabaran murid OKU pendengaran dalam Pendidikan Islam?

IV. METODOLOGI KAJIAN


Dalam penyelidikan, metodologi merupakan salah satu konsep yang penting dalam menentukan pencapaian kajian tersebut kerana pengumpulan data-data ini memerlukan kaedah yang betul, tepat, jitu dan benar. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti isu dan cabaran murid OKU pendengaran dalam Pendidikan Islam. Pencarian ini mengfokuskan instrumen yang melibatkan aspek isu dan cabaran murid OKU pendengaran. Kaedah dokumentasi adalah metodologi yang digunakan sewaktu menjalankan kajian ini. Tujuan utama menyoroti kajian lepas ialah bagi memahami masalah yang akan dikaji. Justeru, kaedah dokumentasi dengan cara pengumpulan data dengan melakukan penelitian dokumen yang mempunyai hubungan dengan isu dan cabaran yang ingin dikaji.

V. STRATEGI PENCARIAN

Pencarian telah dilakukan dengan menggunakan kata kunci pencarian yang khusus dengan menggunakan terma bahasa Melayu "murid OKU pendengaran", "OKU pekak" "al-Quran", "pendidikan Islam" dan "isu dan cabaran". Terdapat lima kata kunci pencarian dengan menghadkan tahun penerbitan dalam tempoh 10 tahun sahaja iaitu penggunaan artikel daripada tahun 2012 hingga tahun 2021. Pangkalan data dirujuk dan diambil daripada *Google Scholar* dan *Research Gate*. Hasil daripada pencarian artikel melalui *Google Scholar* dengan menggunakan kata kunci "murid OKU pendengaran", "Pendidikan Islam" dan "al-Quran" sebanyak 442 artikel yang berkaitan dengan OKU pendengaran dan Quran bermula tahun 2012 hingga 2021. Seterusnya, pengkaji memperkecilkan skop carian dengan menggunakan kata kunci "murid OKU pendengaran", "al-Quran", "Pendidikan Islam" dan "isu dan cabaran", hasil pencarian terdapat 9 rujukan artikel yang berkaitan dengan isu dan cabaran murid OKU pendengaran dalam Pendidikan Islam. Seterusnya, pencarian dilaksanakan melalui *Research Gate* dengan menggunakan kata kunci "murid OKU pendengaran", "Pendidikan Islam" dan "al-Quran", sebanyak 100 artikel yang berkaitan "murid OKU pendengaran", "Pendidikan Islam" dan "al-Quran". Seterusnya, pengkaji

melakukan tapisan akhir di pangkalan data *Research Gate* dengan menggunakan kata kekunci “*murid OKU pendengaran*”, “*al-Quran*”, “*Pendidikan Islam*” dan “*isu dan cabaran*”. Hasil pencarian, pengkaji memperoleh 5 rujukan artikel yang berkaitan dengan tajuk isu dan cabaran murid OKU pendengaran dalam Pendidikan Islam. Secara keseluruhannya, terdapat 14 artikel yang membincangkan berkaitan isu dan cabaran murid OKU pendengaran dalam pendidikan Islam.

Pencarian artikel-artikel tersebut juga berpandukan kepada artikel yang telah diterbitkan bermula pada tahun 2012 sehingga tahun 2021. Manakala, artikel yang dianggap tidak relevan adalah artikel yang tidak berkaitan dengan topik dan tidak membincangkan mengenai isu dan cabaran murid OKU pendengaran dalam Pendidikan Islam. Proses saringan artikel telah dinyatakan dalam rajah 1 di bawah :



Rajah 1 : Strategi Pencarian

VI. DAPATAN KAJIAN

Analisis Tinjauan Sistematis (*Systematic Review*)

Jadual 1 *Systematic Review* Isu dan Cabaran murid OKU pendengaran Mempelajari Pendidikan Islam (2012-2021)

<i>No.</i>	<i>Tajuk / Tahun</i>	<i>Jurnal / Pengarang</i>	<i>Metodologi / Instrumen</i>	<i>Dapatan</i>
A1	Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (OKU pendengaran) 2012	Hamdi Bin Ishak, Ab Halim Bin Tamuri, Rosadah Binti Abdul Majid, Safani Bin Bari.	Kajian Kualitatif Kajian kes	Kekurangan Bahan Bantu Mengajar murid OKU pendengaran Kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru adalah syarahan sambil menggunakan bahasa isyarat dan menulis di papan tulis.
A2	Pendidikan Islam Golongan OKU pendengaran: Tinjauan Awal Isu dan Cabaran daripada Perspektif Guru 2012	Huzairi awang; Hajarul Bahti Zakaria; Rahimin Affandi Abd Rahim	Kajian Tinjauan Temu Bual	Daya ingatan murid tidak tinggi dan mudah lupa. Bahan bantu mengajar buku teks dalam tulisan jawi, ini menyebabkan murid sukar untuk memahami isi kandungan pembelajaran.
A3	Improving Deaf Children's Working Memory through Training 2014	Terezinha Nunes, Rossana Barros, Deborah Evans and Diana Burman	Kuasi Eksperimen Soal Selidik	Murid OKU pendengaran berada pada tahap rendah disebabkan oleh daya ingatan berkefungsian rendah
A4	Kepentingan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dalam Pengajaran Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) terhadap komuniti pekak 2014	Syar Meeze Mohd Rashid, Norlidah Alias, Nazean Jomhari, Mohd Yakub Zulkifli, Mohd Yusof & Zahiah Haris	Kajian Kualitatif Temu Bual	Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) boleh meningkatkan kefahaman komuniti pekak untuk mempelajari PAFA Komuniti pekak mempunyai OKU pendengaran, kesukaran untuk bertutur dan

				<p>penggunaan bahasa yang terhad.</p> <p>BIM menarik minat komuniti pekak untuk mempelajari PAFA.</p>
A5	<p>Kesukaran mengajar dan belajar al-Quran dalam kalangan pelajar pekak: Isu dan cabaran guru Pendidikan Islam</p> <p>2015</p>	<p>Mustafa Che Omar, Nik Hassan Bin Seman, Abdullah Yusoff & Abdul Hakim Abdullah</p>	<p>Kajian Kualitatif</p> <p>Temu Bual</p>	<p>Pelajar tidak dapat menyebut huruf-huruf di dalam al-Quran.</p> <p>Pelajar juga mempunyai masalah ingatan jangka pendek</p> <p>Kekurangan BBM terhadap pelajar pekak</p>
A6	<p>The Deaf Community's Attitudes Towards Islamic Education</p> <p>2015</p>	<p>Abd Hakim Mohad and Ros Aiza Mohd Mokhtar, Nizaita Omar dan Zulkifly Muda</p>	<p>Kajian Kuantitatif</p> <p>Soal Selidik</p>	<p>Sikap komuniti OKU pendengaran terhadap Pendidikan Agama sangat positif.</p> <p>Agensi kerajaan perlu membuat penambahbaikan dalam sistem pendidikan OKU pendengaran.</p>
A6	<p>Analisis Permasalahan Pelajar Cacat Pendengaran Dalam Pembelajaran Mata Pelajaran Pendidikan Islam Di Malaysia.</p> <p>2016</p>	<p>Nik Hassan Seman, Mustafa Che Omar, Adbullah Yusoff & Mohd Yusof Abdullah</p>	<p>Kajian Kualitatif</p>	<p>Bahan Bantu Mengajar (BBM) lebih mesra kepada murid tipikal</p> <p>Murid OKU pendengaran mempunyai ingatan jangka pendek</p> <p>Buku teks murid OKU pendengaran dalam tulisan jawu</p>
A7	<p>Tinjauan Pelaksanaan Pendidikan al-Quran Bagi Golongan Pekak Di Malaysia</p> <p>2016</p>	<p>Muhammad Sayuti Bin Sabdan, Norlidah Alias, Dato' Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusof, Nazean Jomhari, Nor 'Aziah Mohd Daud, & Noor Fadilah Md Aslie</p>	<p>Kaedah Tinjauan</p>	<p>Pelaksanaan pendidikan al-Quran bagi golongan pekak adalah berbeza-beza sama ada di peringkat sekolah, institusi, persatuan, dan sebagainya.</p>

A8	Kaedah pengajaran al-Quran kepada orang kurang upaya pendengaran. 2016	Hamdi Ishak	Kertas Konsep	Murid OKU pendengaran boleh mempelajari al-Quran mengikut kemampuan mereka.
A9	Isu dan cabaran dalam penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) untuk Pengajaran Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA). 2017	Syar Meeze Mohd Rashid, Norlidah Alias & Zawawi Ismail.	Kajian Kualitatif Temu Bual	Kekurangan bahasa isyarat agama Islam Kurikulum PAFA tidak sesuai digunakan untuk golongan pekak, lebih sesuai digunakan oleh golongan tipikal.
A10	Teaching Al-Quran To Deaf Students: Challenges For Islamic Education Teachers 2019	Nik Hassan Seman, Muhammad Ridzuam Idris, Mohd Iskandar Daud, Nik Azhar Nik Ab. Rahman Mohd Nazri Abdul Rahman	Kajian Kualitatif	Kesukaran murid OKU pendengaran mengeluarkan suara. Masalah kekurangan bahan dan alat bantu mengajar murid OKU pendengaran. Murid mempunyai masalah ingatan jangka pendek.
A11	Sorotan Literatur Kajian Kurikulum Pendidikan Islam Pelajar Orang Kurang Upaya (Oku) Di Malaysia 2020	Azman Ab Rahman, Mohamad Anwar Zakaria, Muhd. Faiz Abd. Shakoriii, Nurul Shazwani Nordiniv & Nur Ain Syafiqah Rahmat	Kajian Kualitatif Kaedah Pemerhatian dan Dokumentasi	Pembangunan Model kurikulum bagi subjek Pendidikan Islam sangat diperlukan bagi murid berkeperluan khas.
A12	Pandemik COVID-19: Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam Dalam Pendidikan Khas Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Masalah Pembelajaran Di Malaysia.	Ab Rahman, Azman, Syed Salim Syed Shamsudin, Nurul Nadia Nozlan, Muhd Faiz Abd Shakor, and Afaf Sukari.	Kajian Kualitatif Soal selidik dan dokumentasi	Kekurangan Bahan Bantu Mengajar (BBM)

	2021			
A13	Cabaran Dalam Pengendalian Pembelajaran Dan Pengajaran Fardu Ain Orang Kurang Upaya (OKU) Pendengaran Di Malaysia. 2021	Nizaita Omar, Razi Yaakob, Ruhaizan Sulaiman, dan Saiful Yuslizam Yakar.	Kajian Kualitatif Kaedah dokumentasi dan tinjauan	Komuniti OKU pendengaran secara umumnya mempunyai latar belakang pendidikan yang rendah dan ketinggalan dalam arus pendidikan formal.
A14	Activity-Based Teaching of Quran for Deaf Students in the Special Education Integration Program 2021	Izuli Dzulkifli, Asmawati Suhid, Fathiyah Mohd Fakhruddin dan Nor Aniza Ahmad	Kajian Kualitatif Kajian Kes Kaedah temu bua dan analisis dokumen,	Pelajar yang mengalami masalah mengeja dan membaca al-Quran kerana bahasa al-Quran ialah bahasa Arab. Ini adalah sesuatu yang baru kepada pelajar pekak kerana mereka berkomunikasi dengan Bahasa Isyarat yang merupakan bahasa pertama mereka.

VII. PERBINCANGAN

A. Kekurangan Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Kekurangan bahan bantu mengajar (BBM) juga merupakan isu dan cabaran yang dihadapi oleh murid OKU pendengaran untuk mempelajari Pendidikan Islam. Menurut [15], menyatakan bahan bantu mengajar bagi Pendidikan Islam di sekolah lebih banyak keperluan kepada murid tipikal. Kajian ini disokong oleh [1] menyatakan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) bagi subjek Pendidikan Islam amat terhad dan memerlukan tempoh yang lama untuk menyediakan BBM tersebut. Ini selaras dengan kajian [17] menyatakan Kurikulum PAFA tidak sesuai digunakan untuk golongan pekak, lebih sesuai digunakan oleh golongan tipikal. Menurut [11] menyatakan penyediaan bahan bantu mengajar bagi murid berkeperluan khas tidak sama seperti bahan bantu mengajar murid tipikal. Selain itu, buku teks Pendidikan Islam yang digunakan oleh murid OKU pendengaran di sekolah ditulis dalam tulisan jawi dan ia hanya sesuai untuk guru membuat rujukan [8], [15]. Oleh disebabkan itu, murid OKU

pendengaran sukar untuk memahami pembelajaran Pendidikan Islam.

B. Kesukaran Memahami Konsep di dalam Pendidikan Islam

Seterusnya, isu lain yang menyebabkan murid OKU pendengaran sukar untuk memahami maklumat tentang pendidikan Islam adalah, kekurangan perkataan pendidikan Islam dalam bahasa isyarat dan banyak penggunaan bahasa abstrak. Menurut [8] ia menyatakan murid ini tidak dapat untuk memahami perkara yang menggunakan istilah atau bahasa yang terlalu tinggi. Hal ini demikian kerana tahap ingatan murid OKU pendengaran adalah sangat rendah dan bahasa yang digunakan oleh mereka sangat rendah berbeza dengan golongan tipikal. Kajian ini disokong oleh [13] menyatakan murid OKU pendengaran menghadapi kesukaran untuk memahami isi kandungan ayat al-Quran dalam Pendidikan Islam. Hal disebabkan terjemahan bahasa yang digunakan bersifat abstrak. Ini selaras dengan kajian [12] menyatakan penggunaan ayat yang berbentuk perbendaharaan kata, simpulan bahasa, konsep dan

abstrak menyebabkan kesukaran untuk mereka memahami sesuatu pembelajaran.

C. Kelemahan Daya Ingatan Murid OKU pendengaran

Murid OKU pendengaran mempunyai kelemahan lain disebalik ketidakupayaan yang dialami. Antara isu yang dihadapi oleh murid ialah kelemahan dan kesukaran untuk mengingat sesuatu perkara yang dipelajari. Menurut [14], [15] menyatakan kesukaran murid untuk mengingati sesuatu perkara adalah disebabkan murid tidak dapat menghubungkan perkara yang dilihat dan tidak dapat menyimpan terlalu lama maklumat yang diperolehi dalam memori. Ini menyebabkan, murid tidak dapat mengingat dan memahami pembelajaran di dalam untuk jangka masa yang panjang. Kajian ini disokong oleh [8]. Menyatakan disebabkan murid mengalami ketidakupayaan pada pendengaran, jadi ia memberi kesan kepada daya ingatan murid tersebut. Selain itu, menurut beberapa kajian lepas menyatakan kemampuan membaca murid OKU pendengaran berada pada tahap rendah disebabkan oleh daya ingatan berkefungsian rendah [16], [9]. Hasil daripada beberapa kajian lepas menunjukkan murid OKU pendengaran menghadapi cabaran untuk menyimpan maklumat berkaitan pembelajaran yang dipelajari.

D. Kesukaran mengeluarkan suara untuk membaca al-Quran

Menurut [14] menyatakan murid OKU pendengaran tidak boleh menyebut dan membaca huruf-huruf di dalam al-Quran disebabkan ketidakupayaan pertuturan. Kajian ini di sokong oleh [17] menyatakan murid OKU pendengaran mempunyai kekangan untuk menyebut huruf hijaiyyah serta tidak dapat membezakan bunyi disebabkan ketidakupayaan pendengaran mereka. Ini selaras dengan kajian [10], [18] menyatakan murid OKU pendengaran tidak mampu untuk mengeluarkan bunyi suara dan menyebut sesuatu bahasa disebabkan oleh OKU pendengaran yang dihadapi oleh mereka. Menurut [6] pembelajaran al-Quran adalah cabaran sangat sukar bagi murid OKU pendengaran, disebabkan ketidakupayaan mereka untuk mendengar dan mengeluarkan suara atau bunyi. Selain itu, menurut [2] menyatakan murid OKU pendengaran mempunyai masalah untuk mengeja dan membaca Quran dalam silibus pendidikan Islam disebabkan bahasa al-Quran merupakan bahasa Arab, sedangkan bahasa pertama komunikasi mereka adalah Bahasa Isyarat.

Kajian atau tinjauan sistematik secara mendalam dan menyeluruh dibahas oleh kajian-kajian lepas yang dijalankan dari 2012 hingga tahun 2021 mengenai isu dan cabaran murid OKU pendengaran dalam Pendidikan Islam. Difahamkan bahawa, terdapat beberapa isu dan cabaran yang dihadapi oleh murid OKU pendengaran dalam mempelajari subjek Pendidikan Islam. Antaranya, kekurangan bahan bantu mengajar (BBM) bagi murid OKU pendengaran, kesukaran memahami konsep di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Seterusnya, kelemahan daya ingatan murid OKU pendengaran. Akhir sekali, kesukaran mengeluarkan suara untuk membaca al-quran. Kajian tinjauan sistematik ini dilakukan bagi melihat sekiranya terdapat isu dan cabaran mengenai tajuk yang dipilih seterusnya mampu menyatakan tema-tema melalui dapatan kajian berdasarkan 14 artikel tersebut. Tuntasnya, dengan adanya tinjauan sistematik secara tidak langsung membantu pihak pengkaji bagi melihat beberapa perkara atau aspek yang hendak dikaji seterusnya mampu menghasilkan dapatan kajian yang baik serta berkesan.

VIII. RUMUSAN

RUJUKAN





- [1] Ab Rahman, A., Shamsudin, S. S. S., Nozlan, N. N., Shakor, M. F. A., & Sukari, A. (2021). Pandemik COVID-19: Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Pendidikan Islam Dalam Pendidikan Khas Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Masalah Pembelajaran Di Malaysia. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 127-138.
- [2] Dzulkifli, I., Suhid, A., Fakhruddin, F. M., & Ahmad, N. A. (2020). Cabaran Komunikasi dalam Pengajaran Pendidikan Islam kepada Murid Kurang Upaya Pendengaran. *International Journal of Islamic Thought*, 18, 13-26.
- [3] Hamdi Ishak. 2010a. Isu pengajaran Pendidikan Islam kepada kanak-kanak bermasalah pendengaran. *Proceedings of the First Annual Inclusive Education Practices Conference UKM*. 1: 131 – 141.
- [4] Hamdi Ishak. 2010b. *Pekak dan Bisu Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [5] Hamdi Bin Ishak, Ab Halim Bin Tamuri, Rosadah Binti Abdul Majid, Safani Bin Bari. 2012. Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (OKU pendengaran). *Journal of Islamic and Arabic Education* 4(2), 2012 11-24.
- [6] Hamdi Ishak. 2016. Kaedah Pengajaran Al-Quran Kepada Orang Kurang Upaya Pendengaran. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 2(1), 2016 33-39, e-ISSN: 2289-960X.
- [7] Hamdi, I., Ab. Halim, T., Rosadah, A. M., & Safani, B. (2012). Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (OKU pendengaran). *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2).
- [8] Huzairi awang; Hajarul Bahti Zakaria; Rahimin Affandi Abd Rahim. 2012. Pendidikan Islam Golongan OKU pendengaran: Tinjauan Awal Isu dan Cabaran daripada
- [9] Kyle, F. E., & Cain, K. (2015). A Comparison of Deaf and Hearing Children's Reading Comprehension Profiles. *Topics in Language Disorders*, 35(2), 144–156.
- [10] Loughran, S. (2013). Cultural Identity, Deafness and Sign Language: A postcolonial approach. *LUX: A Journal of Transdisciplinary Writing and Research*. Claremont Graduate University. 2(1): 1-8.
- [11] Mohd Huzairi, A., Hajaratul Bahti, Z., & Syar Meeze, R. (2019). Kaedah Pengajaran Fardhu Ain Kepada Murid Berkeperluan Khas. Paper presented at the Seminar Kesedaran Pendidikan Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) kepada OKU, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- [12] Miller, K. J. (2014). Trends Impacting One Public School Program For Students Who Are Deaf Or Hard-Of-Hearing. *Communication Disorders Quarterly*, 36(1), 35-43.
- [13] Muhammad Sayuti Bin Sabdan, Norlidah Alias, Dato' Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusof, Nazean Jomhari, Nor 'Aziah Mohd Daud, & Noor Fadilah Md Aslie. 2016. Tinjauan Pelaksanaan Pendidikan al-Quran Bagi Golongan Pekak Di Malaysia. *Jurnal al-Turath; Vol. 1, No. 2;*
- [14] Mustafa, C., Nik Hassan, S., Abdullah, Y., & Abdul Hakim, A. (2015). Kesukaran Mengajar dan Belajar al-Quran dalam Kalangan Pelajar Pekak: Isu dan Cabaran Guru Pendidikan Islam. *International Seminar on al-Quran in Contemporray Society* (pp. 208-221). UnisZA: Faculty of Islamic Contemporary Studies.
- [15] Nik Hassan Seman, Mustafa Che Omar, Abdullah Yusoff, Mohd Yusof Abdullah. 2016. Analisis Permasalahan Pelajar Cacat Pendengaran Dalam Pembelajaran Mata Pelajaran Pendidikan Islam Di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Kent Bil. 1* 2016.
- [16] Nunes, T., Barros, R., Evans, D., & Burman, D. (2014). Improving Deaf Children's Working Memory through Training. *International Journal of Speech & Language Pathology and Audiology*, 2, 51–56.

[17] Seman, N. H., Idris, M. R., Daud, M. I., Rahman, N. A. N. A., & Rahman, M. N. A. (2019). Teaching Al-Quran To Deaf Students: Challenges For Islamic Education Teachers. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 7(1), 46-53.

[18] Syar Meeze Mohd Rashid, Norlidah Alias & Zawawi Ismail. 2017. Isu dan cabaran dalam penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) untuk Pengajaran Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA). *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. 1(1): 1-14.

[19] Syar Meeze Mohd Rashid, Norlidah Alias, Nazean Jomhari, Mohd Yakub Zulkifli, Mohd Yusof & Zahiah Haris. 2014. Kepentingan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dalam Pengajaran Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) terhadap komuniti pekak. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 2(4): 27-3

AUTHOR'S INFORMATION

<p>First Author: Muhammad Zaid Bin Abdul Samat</p> 	<p>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 71800 Nilai Negeri Sembilan E-mail: zaidfaqehtnc@gmail.com</p>
<p>Second Author: Prof. Dr. Adnan Bin Mohamed Yusoff Adnan Bin Mohamed Yusof</p> 	<p>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 71800 Nilai Negeri Sembilan E-mail: adnan@usim.edu.my</p>
<p>Third Author: Dr. Norakyairee Bin Mohd. Raus</p> 	<p>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 71800 Nilai Negeri Sembilan E-mail: el.akhyari@gmail.com</p>
<p>Fourth Author: Dr. Ahmad Izzuddin Bin Abu Bakar</p> 	<p>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 71800 Nilai Negeri Sembilan Email : izzuddin@usim.edu.my</p>